

22 JUL 1997

Anwar-Salam

SALAM MALAYSIA KE SELURUH DUNIA ZAHIRKAN KESYUKURAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Yayasan Salam, yang akan membawa putera-puteri Malaysia berkhidmat secara sukarela ke seluruh pelusuk dunia, merupakan satu penzahiran kesyukuran terhadap pencapaian dan pembangunan ekonomi yang dinikmati negara.

Pemangku Perdana Menteri berkata tiada cara yang lebih baik untuk menzahirkan kesyukuran daripada menabur bakti kepada mereka yang kurang beruntung dan menolong bangsa lain yang menghadapi nasib yang dahulunya pernah dialami oleh Malaysia.

"Kesyukuran itu harus disusul dengan tindakan dan amal kebajikan dan tidak ada cara yang lebih baik untuk kita zahirkan kesyukuran kepada Allah daripada menabur bakti kepada masyarakat di dalam dan di luar negara yang memerlukan bimbingan, bantuan dan pertolongan.

"Mereka adalah masyarakat yang masih dalam keadaan daif yang pernah kita lalui dahulu, masyarakat yang memerlukan bantuan yang pernah kita sendiri terima dahulu," katanya ketika melancarkan Yayasan Salam di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata khidmat sukarelawan yang jujur dan ikhlas yang digembleng melalui Yayasan Salam itu juga akan menjelmakan semangat dan jiwa kembara generasi muda Malaysia untuk kesejahteraan sejagat.

Anwar berkata putera-puteri Malaysia diajak menjadi penggerak kepada cita-cita menyemarakkan semangat kesukarelaan dan masa untuk berleter dan merintih mengenai nasib dan kerena mereka sepatutnya sudah berlalu.

"Dari heretan dan hukuman, mari kita jelmakan semangat dan jiwa kembara golongan generasi muda...pada hari ini kita hendak buktikan bahawa generasi muda Malaysia sanggup dan berupaya menyemarakkan gelora baru jiwa kembara," katanya.

Beliau berkata walaupun banyak didendangkan pelbagai kisah negatif mengenai generasi muda tetapi hakikat yang mesti diterima juga ialah ratusan ribu anak-anak muda terlibat dalam banyak kegiatan sukarela, kebajikan pelajar dan belia serta khidmat sosial melalui pelbagai pertubuhan bukan kerajaan.

Pemangku Perdana Menteri itu mahu dihebahkan juga khidmat bakti itu supaya anak-anak muda dan tokoh-tokoh yang berkenaan diberikan pendedahan dan pengalaman mereka ditimba oleh masyarakat.

Beliau berkata kesukarelaan bukanlah baru bagi rakyat Malaysia seperti yang dibuktikan dengan kegiatan gotong-royong bahkan ia juga tercerna dalam perjuangan sukarela mencapai kemerdekaan oleh generasi pejuang dahulu.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berjaya meletakkan dan menaikkan imej Malaysia sebagai negara yang prihatin tentang nasib masyarakat antarabangsa dan berani bersuara menjadi pembicara golongan teraniaya, tertindas dan harus mendapat pembelaan.

"Yayasan Salam ini satu wahana bagi membolehkan kita meneruskan agenda dan langkah yang diambil oleh Perdana Menteri iaitu dengan meneruskan dan menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat yang memerlukan pembelaan," katanya.

Menurutnya, Malaysia sudah mendaki gunung Everest dan tidak lama lagi mahu ke Antartika pula tetapi ada rantau-rantau lain yang perlu diterokai dan penerokaan itu melalui khidmat bagi meringankan derita dan duka nestapa serta, dengan izin Allah, mencerahkan masa depan mereka.

Beliau berkata sukarelawan Salam yang akan berkhidmat di pelbagai

negara di Indo-China, Amerika Latin, Afrika dan negara Selatan seperti Fiji dan Papua New Guinea "tidak akan mengeksport apa-apa, mendapat habuan atau memupuk ideologi Malaysia tetapi akan membawa Salam Malaysia ke serata benua dan seantero dunia".

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, gembira dan bangga terhadap kesediaan syarikat swasta dan warga korporat Malaysia yang menunjukkan sokongan terhadap Yayasan Salam dengan sumbangan derma berjumlah RM7.2 juta yang disampaikan kepadanya pada majlis itu.

Kumpulan Lions, Petronas, Kumpulan Abrar, YTL Group dan TA Enterprise Berhad masing-masing menyumbangkan RM1 juta.

Pengerusi Yayasan Salam, Tan Sri Razali Ismail berkata beliau bercadang mendapatkan sokongan "United Nations Volunteers" (UNV), sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), yang berpengalaman luas dalam kegiatan sukarela di seluruh dunia untuk membantu Yayasan Salam.

"Dalam beberapa pertemuan saya dengan wakil-wakil UNV di New York dan Geneva baru-baru ini, kami telah berbincang beberapa perkara dalam ikhtiar kita memantapkan lagi potensi Salam," katanya.

Razali, yang juga Presiden Perhimpunan Agung PBB, berkata Salam akan bertindak sebagai pertubuhan yang bertanggungjawab mengendalikan kerja sukarela berorientasikan identiti Malaysia, mengikut acuan Malaysia dengan tidak mengetepikan budaya dan cara hidup tempatan masyarakat yang dibantu.

"Salam tidak berhasrat mengenakan halacara kita ke atas masyarakat luar negara," katanya. Malaysia tidak mempunyai sejarah imperialisme.

Salam, pertubuhan bukan bermotif keuntungan dengan tumpuan khidmat dalam pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti, juga akan menempatkan sukarelawan yang berkualiti dan berkaliber sebagai wakil negara di seberang laut kerana imej Malaysia harus dikekalkan, katanya.

Pada majlis itu, Anwar yang juga pengasas dan penaung Yayasan Salam menyampaikan anugerah yayasan itu kepada lima penerima yang merupakan petugas sukarela yang telah banyak berbakti termasuk jururawat Aliyah Fong Abdullah yang berkhidmat di kem pelarian Palestin Bourj el-Barajneh pada 1987. -- BERNAMA

MNY NMO